Live-well™ OSTESAMIN 500 Capsule

Glucosamine Sulphate (500mg).

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Live-well™ OSTESAMIN 500
2. Bagaimana Live-well™ OSTESAMIN 500 berfungsi
3. Sebelum menggunakan Live-well™ OSTESAMIN 500
4. Cara menggunakan Live-well™ OSTESAMIN 500
5. Semasa menggunakan Live-well™ OSTESAMIN 500
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Live-well™ OSTESAMIN 500
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Live-well™ OSTESAMIN 500

Live-well™ OSTESAMIN 500 digunakan sebagai terapi adjuvant untuk osteoartritis (sakit sendi).

Bagaimana Live-well™ OSTESAMIN 500 berfungsi

Live-well™ OSTESAMIN 500 mengandungi glukosamin. Glukosamin sulfat memainkan peranan yang penting dalam pertumbuhan serta mengekalkan struktur dan fungsi tulang rawan dalam sendi tulang. Glukosamin sulfat merangsang biosintesis mukopolisakarida – komponen struktur utama tulang rawan sendi yang penting untuk fungsi sendi. Glukosamin sulfat juga meningkatkan penghasilan dan kelikatan cecair sinovial, memberikan aktiviti pelincir yang lebih baik kepada sendi.

Sebelum menggunakan Live-well™ OSTESAMIN 500

Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil Live-well™ OSTESAMIN 500 jika anda hipersensitif terhadap makanan laut dan glukosamin.

Jika anda mengandung atau menyusukan anak, dapatkan nasihat doktor atau pakar kesihatan sebelum mangambil produk ini.

- *Sebelum menggunakan Live-well™ OSTESAMIN 500*

Anda harus mendapatkan khidmat nasihat doktor atau ahli farmasi jika mempunyai masalah kerosakan ginjal.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Kesan Glucosamine terhadap sensitiviti insulin dan toleransi glukosa adalah tidak jelas, pesakit diabetes dinasihatkan supaya memberi perhatian semasa mengunakan produk ini.

Cara mengunakan Live-well™ OSTESAMIN 500

- *Berapa banyak harus digunakan*

Ikut semua arahan yang diberikan pada sisip dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila merujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Simptom osteoartritis ringan atau sederhana: Ambil satu kapsul dua kali sehari untuk sekurang-kurangnya enam minggu.

Simptom osteoartritis (sakit sendi) teruk: Mula dengan satu kapsul tiga kali sehari untuk sekurang-kurangnya 8 minggu. Kemudian mengambil satu kapsul dua kali sehari untuk selama 3-4 bulan (atau seperti yang ditetapkan secara profesional).

Untuk terapi jangka panjang, rawatan harus diulangi setiap enam bulan atau pada tempoh yang lebih pendek, seperti yang ditetapkan secara profesional.

- *Bila perlu digunakan*

Kapsul perlu diambil 15 minit sebelum makan.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Seperti dos yang dicadangkan.

- *Jika terlupa menggunakan*

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Hubungi ahli farmasi atau daktor anda dengan segera untuk dapatkan nasihat.

Semasa menggunakan Live-well™ OSTESAMIN 500

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Ambil dos anda seperti yang diberikan dalam risalah ini.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan gunakan produk selepas tarikh luput yang dinyatakan pada pakej selepas 'EXP'. Tarikh luput merujuk kepada hari yang terakhir bulan tersebut.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*

Glukosamine sulfat merawat punca osteoartritis (sakit sendi) dan kelegaan kesakitan mengambil masa. Oleh itu, jika kesakitan yang teruk wujud dalam tempoh ini, mungkin perlu mengambil analgesik seperti aspirin atau ubat anti-radang bukan steroid (NSAID).

Kesan-kesan sampingan

Jangan merasa bimbang dengan senarai kesan sampingan yang mungkin wujud. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

- Kardiovaskular: edema periferal (pengumpulan cecair menyebabkan bengkak), takikardia (jantung berdegup lebih cepat daripada biasa) dilaporkan pada beberapa pesakit yang terlibat dalam percubaan klinikal mengkaji pengambilan oral dalam osteoartritis (sakit sendi). Hubungan sebab dan akibat belum diwujudkan.
- Sistem Saraf Pusat: Rasa mengantuk, sakit kepala, insomnia (sukar untuk tidur) telah dilaporkan secara jarang semasa terapi (kurang daripada 1%)
- Gastrointestinal: Loya, muntah, cirit-birit, dispepsia (senak) atau sakit epigastric, sembelit, pedih ulu hati dan tiada selera makan telah dilaporkan secara jarang semasa terapi oral glukosamin.

Live-well™ OSTESAMIN 500 Capsule

Glucosamine Sulphate (500mg).

- Kulit: Reaksi kulit seperti eritema (kulit kemerahan) dan pruritus (kulit gatal) telah dilaporkan dalam pengambilan teraputik glukosamin.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my *(Public Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).*

Cara penyimpanan dan pelupusan Live-well™ OSTESAMIN 500

- *Penyimpanan*

Pastikan botol ditutup ketat. Simpan dibawah suhu 30°C.

- *Pelupusan*

Produk ini tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- *Rupa dan warna produk*

Dua keping, kapsul sayur-sayuran keras berwarna kuning saiz "00" yang mengandungi serbuk putih coklat terang.

- *Bahan-bahan kandungan*

-Bahan aktif

- *Glucosamine Sulphate Sodium Chloride*

Bahan tidak aktif

- *Magnesium Stearate*
- *Corn Starch*
- *Talc*
- *Lactose Monohydrate*

Nombor MAL:

MAL06051564X

Pengilang

PAHANG PHARMACY SDN.BHD.
Lot 5979, Jalan Teratai, 5 ½ Miles Off, Jalan Meru,
41050 Klang,Selangor Darul Ehsan.

Pemegang Pendaftaran Produk

PAHANG PHARMACY SDN.BHD.
Lot 5979, Jalan Teratai, 5 ½ Miles Off, Jalan Meru,
41050 Klang,Selangor Darul Ehsan.

Tarikh kemaskini RiMUP

14/03/2017

Nombor Siri

BPFK(R4/1)060317/00014